

01/04/1999

PM, isteri kembali ke tanah air

SUBANG, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, selamat kembali ke tanah air petang ini selepas menunaikan fardu haji di Makkah.

Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di sini disambut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri Kabinet, pegawai tinggi kerajaan, ahli korporat dan ahli keluarga.

Doa selamat dibacakan sebaik saja Dr Mahathir dan isteri memasuki Bilik Bunga Raya di bangunan lapangan terbang itu.

Antara menteri yang hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Sabbaruddin Chik; Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob serta Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Dr Mahathir yang berlepas ke Makkah Rabu lalu, kemudian berbual-bual dengan Abdullah dan tetamu yang hadir.

(END)